



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### KPWKM SANTUNI LEBIH 500 KOMUNITI ORANG ASLI

**DENGKIL, 21 OGOS** – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyantuni lebih 500 orang asli di Perkampungan Orang Asli Kolam Air Bangkok, Dengkil dalam program Jelajah KASIH Prihatin Rakyat yang dianjurkan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

Jelajah KASIH Prihatin Rakyat merupakan sebahagian daripada Kempen KASIH Keluarga Malaysia yang diperkenalkan oleh LPPKN untuk mengimarahkan kembali penerapan nilai-nilai murni dalam institusi keluarga selain sebagai usaha menangani masalah kesihatan mental di peringkat komuniti rentetan penularan COVID-19.

Dalam ucapan perasmian, Datuk Seri Rina Harun, Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat berkata, “Kempen ini memerlukan komitmen semua lapisan masyarakat termasuk rakan strategik agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan untuk bersama-sama menyokong pembentukan keluarga sejahtera di Malaysia”.

Pelbagai aktiviti dan perkhidmatan diadakan antaranya ialah pameran dan perkhidmatan agensi, saringan kesejahteraan, kempen kesedaran kanser reproduktif wanita (WCaRe), saringan kanser serviks (HPV DNA), pendaftaran

subsidi ujian mamogram, klinik kesihatan lelaki, sukaneka, dan sesi lawatan ke rumah serta taklimat kesihatan lelaki dan wanita.

“Semua wanita warganegara Malaysia dan Penduduk Tetap berusia 30 hingga 65 tahun dalam kalangan golongan B40 dan M40 boleh mendapatkan rawatan saringan kanser serviks (HPV DNA) secara PERCUMA di semua Klinik Nur Sejahtera (KNS) LPPKN seluruh Malaysia serta ujian mamogram diberikan secara percuma kepada wanita dengan pendapatan isi rumah kurang RM10,000.00”, ujar YB Datuk Seri Rina.

Selain itu, seramai 100 remaja wanita orang asli turut menerima tuala wanita guna semula (*Washable Pad*) melalui Program Pendidikan Kesihatan Reproduksi Remaja atau ringkasnya SERI.

Turut hadir ialah Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWK, Dato' Haji Suhaimi Mohd Ghazali, Pengerusi LPPKN, Tuan Haji Abdul Shukur Abdullah, Ketua Pengarah LPPKN serta Encik Ongin Anak Chinak, Tok Batin Kampung Orang Asli Kolam Air Bangkok.

####

Disediakan oleh:

**KETUA UNIT PENERANGAN DAN PENDIDIKAN**

**LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (LPPKN) NEGERI SELANGOR**

H/P: 013-4560296